

POLITEKNIK JELI KELANTAN

KENYATAAN TAWARAN

1. Tawaran adalah terbuka kepada kontraktor/ syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 221001 & 221002 (Khidmat Kebersihan dan Rawatan) yang masih sah dan berkuatkuasa serta berstatus ePerolehan (eP) *enable* untuk menyertai tender berikut :-

TAJUK TENDER	NO. DOKUMEN TENDER	KOD BIDANG	TARIKH/ MASA TUTUP TENDER
TENDER BAGI PERKHIDMATAN MEMBERSIH BANGUNAN DAN KAWASAN TERMASUK PENYELENGGARAAN LANDSKAP DI POLITEKNIK JELI KELANTAN	PJK(S)/T/02/ 2015	221001 & 221002	01 NOVEMBER 2015 (AHAD)/ 12.00 TENGAH HARI

2. Kontraktor/ Syarikat yang ingin menyertai tender ini **DIWAJIBKAN** untuk menghadiri taklimat dan lawatan tapak (perlu dihadiri sendiri oleh pegawai syarikat yang namanya didaftarkan dalam Sijil Akuan Pendaftaran Kontraktor, **WAKIL TIDAK DIBENARKAN**) yang akan diadakan pada **08 Oktober 2015 (Khamis), jam 10.30 pagi** bertempat di Lanas Perdana, Politeknik Jeli Kelantan.
3. Kontraktor/ Syarikat hendaklah membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Taraf Bumiputera (bagi syarikat Bumiputera) dari Kementerian Kewangan (ASAL) dan satu (1) salinan sijil-sijil tersebut (tidak akan dikembalikan) semasa menghadiri taklimat.
4. Cadangan tawaran teknikal dan kewangan yang lengkap dan sempurna diisi hendaklah dikunci masuk (*key-in*) dan dihantar menerusi serahan atas talian sistem ePerolehan sebelum tarikh dan masa tutup tender. Serahan dokumen tender (secara manual) hendaklah dimasukkan ke dalam peti tender di Bahagian Pentadbiran, Politeknik Jeli Kelantan sebelum atau pada 01 November 2015 (Ahad), 12.00 tengah hari. Sebarang kelewatan dan kegagalan di dalam penyerahan dokumen tender tidak akan dilayan.
5. Nombor rujukan akan hanya dijana kepada kontraktor/ syarikat yang sah sahaja dan pihak kontraktor/ syarikat boleh mendapatkan nombor rujukan tersebut mulai 08 Oktober 2015 (Khamis) melalui laman web: <http://www.eperolehan.gov.my>